



Community Bulletin

INDIAN OCEAN TERRITORIES

Bilangan: D01/26	Tarikh: 24 Februari 2026
Berkeaan: Penduduk dan pelawat di Pulau Christmas	
Perkara: Kesediaan menghadapi kejatuhan batu dan runtuh tanah	

Jabatan ini ingin mengingatkan komuniti di Pulau Christmas bahawa Rancangan Pengurusan Risiko Runtuh Tanah yang kemas kini bagi Flying Fish Cove dan kawasan Smith Point Road kini boleh didapati.

Rancangan ini disokong oleh Jawatankuasa Pengurusan Kecemasan Pulau Christmas dan membentangkan langkah-langkah amali yang dapat mengurangkan risiko terhadap penduduk, kediaman dan perniagaan tempatan daripada runtuh tanah di kawasan-kawasan ini. Rancangan ini menggariskan strategi dan tindakan yang patut diambil untuk menguruskan ancaman bahaya ini dan menyokong kesedaran komuniti tentang punca runtuh tanah serta cara mengurangkan risiko. Anda boleh memuat turun rancangan ini sepenuhnya melalui pautan:

<https://www.infrastructure.gov.au/sites/default/files/documents/landslide-risk-management-plan-2025.pdf>

Rancangan ini ialah langkah penting ke arau mengurangkan dan menguruskan runtuh tanah dan kejatuhan batu secara jangka panjang di Pulau Christmas. Walau bagaimanapun, seandainya berlaku runtuh tanah dan kejatuhan batu yang besar, Pengawal Wilayah akan memimpin di bawah Rancangan Pengurusan Kecemasan Pulau Christmas.

Berwaspada semasa musim tengkujuh

Memandangkan musim tengkujuh sedang berlangsung, sesiapa sahaja yang tinggal, bekerja atau menghabiskan masa berhampiran dengan Flying Fish Cove digalakkan berwaspada akan tanda-tanda runtuh tanah dan kejatuhan batu, terutamanya semasa atau selepas hujan lebat.

Jika risikonya meningkat, anda mungkin nampak:

- Lampu yang berdenyar atau tanda amaran di kawasan-kawasan yang terjejas
- Berita terkini melalui IOT News atau 6RCI Community Radio
- Pemberitahuan melalui aplikasi Emergency WA (disenaraikan di bawah "lain") dengan menggunakan Sistem Amaran Australia

Sistem Amaran Australia menggunakan tiga tahap berkod warna untuk menolong anda memahami situasi sekali imbas:

- Kuning – Makluman
- Jingga – Perhati dan Bertindak
- Merah – Amaran Kecemasan, bermaksud anda mesti mengambil tindakan segera demi keselamatan anda sekeluarga.

Jika anda nampak kejadian kejatuhan batu atau runtuh tanah, telefon pegawai AFP yang bertugas melalui talian 9164 8444.

Adam Stankevicius, Pembantu Setiausaha, Cawangan Wilayah Lautan Hindi